



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

Tajuk: Mempertahankan Keutuhan Negara

Nilai Teras: Kasih Sayang

Konteks: Negara

Masa: 1 jam

SK: 2.2 Kebestarian Diri

SP: 2.2.3 Menghuraikan keperluan berilmu pengetahuan dengan budi pekerti mulia dalam membentuk kebestarian diri

Literasi Sivik

Pengetahuan:

Menerangkan cara mempertahankan nama baik negara

Sosioemosi:

Mengekspresikan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia

Tindakan:

Mengamalkan semangat perpaduan dan integrasi dalam mempertahankan nama baik dan kedaulatan Malaysia

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Sekumpulan murid dipilih secara rawak untuk membuat persembahan di hadapan murid yang lain.
2. Guru memberi pelbagai bahan rujukan kepada murid untuk menjalankan aktiviti wawancara kepentingan ilmu untuk keutuhan negara.
3. Murid diberi masa selama lima minit untuk berlatih.
4. Murid akan mempersembahkan wawancara kepada para murid yang lain.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid masih di dalam kumpulan yang sama diminta untuk mereka cipta kad ucapan untuk menyatakan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Setiap murid diminta berdiri untuk membaca Rukun Negara untuk menaikkan semangat perpaduan dan integrasi dalam mempertahankan nama baik dan kedaulatan Malaysia.

RUKUN NEGARA

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran)